

03/05/2002

Malaysia tidak harus jadi tunggangan negara kaya

BUKAN lagi rahsia matlamat globalisasi bagi negara maju adalah meruntuhkan halangan ekonomi kebangsaan, penebaran perdagangan antarabangsa serta kegiatan kewangan dan pengeluaran untuk membolehkan syarikat gergasi mereka menguasai pasaran dunia. Kepada negara berkenaan, globalisasi bertujuan meningkatkan kuasa perbadanan transnasional dan institusi kewangan antarabangsa di negara kurang maju. Berteraskan matlamat itu, tidak sukar untuk melihat tindakan negara maju menggunakan istilah itu atau liberalisasi perdagangan demi mengukuhkan kepentingan kelompok mereka. Jika tindakan itu tidak mendatangkan faedah kepada negara membangun, itu tidak penting dan tidak harus menjadi penghalang kepada mereka.

Dalam pelbagai tindakan yang dibuat, kita melihat negara kaya mahu mengaut keuntungan dengan menjadikan negara membangun atau miskin sebagai mangsa, tanpa mengira tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan mereka selepas berjaya mengeksploitasi pelbagai sumber dari negara membangun dengan kelebihan teknologi yang mereka miliki. Sudah banyak contoh rakyat di sesebuah negara terpaksa tunduk kepada kuasa yang dicipta Barat atas nama globalisasi dengan memperalatkan kekuatan ekonomi. Negara yang ingkar akan ditindas dengan kuasa perdagangan menerusi sekatan yang dikenakan. Mereka membuat ugutan tanpa sedikit pun rasa simpati. Ugutan juga sudah tidak ada batasannya sebagaimana juga mereka menggembarkan-gemburkan bahawa dunia tidak bersempadan.

Sambil globalisasi adalah proses tidak seimbang, dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan tertumpu hanya ke beberapa negara, hampir semua negara turut terjejas oleh proses berkenaan. Tidak keterlaluan menyimpulkan globalisasi dan liberalisasi perdagangan adalah ancaman kepada kedaulatan sesebuah negara, malah apa yang selama ini dicanangkan fundamentalis Barat, sebenarnya terselit pelbagai muslihat. Dengan berpegang kepada konsep liberal, mereka sebenarnya mencanangkan soal kebebasan menurut perspektif mereka sendiri tanpa menghiraukan kesannya kepada negara lain. Selama ini pun, manifestasi globalisasi sememangnya lebih menguntungkan negara maju dan kaya raya tetapi meminggirkan negara membangun yang miskin.

Kita melihat satu memorandum negara maju yang mendesak Malaysia menghapuskan beberapa syarat terhadap peniaga mereka ketika berurusan dengan negara ini sebagaimana didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin sebagai bermuslihat yang sama. Dengan bertopengkan liberalisasi atau globalisasi, mereka sebenarnya hanya mahu mengambil kesempatan menekan atau menindas. Dengan cara itu, syarikat besar atau multinasional akan menguasai syarikat kecil, orang kaya mengambil kesempatan ke atas orang miskin dan negara besar menelan negara kecil, khususnya dalam soal ekonomi dan kewangan. Konsep perdagangan bebas diperalatkan sebagai senjata bagi menguasai sesebuah negara.

Dalam mendepani tekanan seperti itu, tidak sewajarnya Malaysia tunduk, apatah lagi untuk merelakan kuota Bumiputera dalam sektor perniagaan dan sekatan kepada pemilikan asing dalam syarikat tempatan termasuk bank, dihapuskan. Sebarang perniagaan yang hendak dijalankan di negara ini hendaklah mematuhi undang-undang dan syarat negara ini. Tiada sebarang pengecualian. Baik atas slogan globalisasi, kebebasan bersuara atau hak asasi manusia, kita tidak harus mudah terpedaya dengan pengaruh tangan tersembunyi yang berniat untuk menguasai bidang perdagangan dan peruncitan

di negara ini agar ditadbir mengikut telunjuk mereka. Itulah juga helah mereka di sebalik bercambahnya bilangan pasar raya besar. Sambil kewujudannya menggembirakan pengguna kerana harga barangannya lebih murah, banyak syarikat pengeluar barangan yang tertekan dan tertindas. Atas nama globalisasi, kita sudah melihat banyak syarikat kecil di seluruh dunia ditelan syarikat multinasional gergasi. Ia lebih daripada memadai untuk menyedarkan kita bagi menanganinya dengan penuh kewaspadaan.

(END)